

10/02/1997

Pelaburan Malaysia dua hala: Mahathir (HL)

Faizal Fadzil; Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan matlamat pelaburan Malaysia di negara asing bukan sekadar meraih keuntungan semata-mata, sebaliknya membantu pelaksanaan pembangunan infrastruktur di negara terbabit.

Katanya, pelaburan Malaysia lebih tertumpu kepada infrastruktur yang dikehendaki negara berkenaan.

"Kita punya pelaburan ini, dua hala. Kita melabur dalam infrastruktur yang diperlukan oleh negara berkenaan. Orang yang melabur dapat faedah. Kita pun dapat faedah."

"Kita dulupun membuka peluang bagi orang asing melabur di negara ini untuk sama-sama mencari keuntungan," katanya ketika ditanya sama ada pelaburan Malaysia di negara asing boleh disifatkan sebagai terlalu agresif.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita di majlis rumah terbukanya di Sri Perdana di sini, hari ini. Turut menerima ketibaan lebih 10,000 tetamu ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Minggu lalu, Mahkamah Agung Filipina memutuskan untuk mengetepikan tawaran tinggi syarikat negara ini, Renong Berhad (Renong) untuk memiliki hotel Manila dan mengarahkannya dijual kepada sebuah syarikat negara itu.

Mahkamah itu mengarahkan pemilik hotel berkenaan, Perkhidmatan Kerajaan dan Sistem Insurans (GSIS), menjual hotel berkenaan kepada Manila Prince Hotel Corporation.

Keputusan itu menafikan hak Renong Bhd (Renong) dan kumpulan ITT Sheraton (Sheraton) yang sebelum ini memenangi tawaran mengambil alih 51 peratus dalam kepentingan Hotel Manila, pusat penginapan mewah di pinggir pantai Manila yang disifatkan antara hotel paling bersejarah di Asia.

Keputusan itu, yang turut dikritik Presiden Filipina, Fidel Ramos, mengakhiri krisis jualan hotel yang bermula Oktober 1995 apabila Manila Prince yang kalah dalam tawaran hotel terbabit, mengemukakan petisen kepada Mahkamah Agung.

Manila Prince mendakwa hotel itu adalah satu tinggalan sejarah negara dan ia tidak sepatutnya dijual kepada entiti asing.

Keputusan mahkamah berkenaan turut mencetuskan kebimbangan ahli perniagaan Filipina berhubung pelaksanaan program penswastan di negara berkenaan.

(END)